

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar belakang Kajian

Perusahaan pertanian di Malaysia masa kini menampakkan kemajuan pesat berkembang dalam arus globalisasi dan teknologi moden dengan wujudnya pertanian komersial dalam pelbagai tanaman pertanian yang dahulunya hanya dirujuk kepada pertanian padi yang memberikan hasil yang lumayan kepada golongan petani di Malaysia. Hasilnya, pelbagai jenis tanaman yang diusahakan memberi pulangan yang menguntungkan kepada para petani contohnya pertanian komersial kelapa sawit, perladangan getah dan tanaman pokok kelapa.

Realiti di Malaysia zakat pertanian hanya memfokuskan kepada zakat padi yang boleh dikatakan sebagai sumber tradisional zakat. Secara logiknya, jika petani padi membayar zakat mengapa tidak dengan pemilik ladang getah dan ladang kelapa sawit sedangkan perolehan mereka lebih berlipat kali ganda. Pada masa kini, usaha untuk mencari sumber baru zakat telah dipergiatkan oleh badan-badan yang dipertanggungjawabkan sebagai contoh dengan terlaksananya zakat pendapatan.

Jika diamati spesifikasi unik bagi syariat Islam adalah berasaskan fleksibiliti hukum itu sendiri. Sejarah telah membuktikan banyak masalah fiqh berbeza dari segi hukum kerana pelbagai faktor dengan nilai-nilai semasa dan setempat menjadi faktor utama. Ini berfalsafah penyesuaian hukum bagi sesuatu permasalahan yang timbul bagi mencapai *maqāsid syarī'ah* iaitu *tahqīq maṣālih al-'ibād* memelihara kemaslahatan manusia dan menghindarkannya daripada kerosakan. Pemeliharaan kemaslahatan berpaksikan *al-Darūriyyāt* iaitu penjagaan kepentingan yang lima (*al-Darūriyyāt al-Khams*) merangkumi *hifzu ad-dīn*, *hifzu an-nafs*, *hifzu al-'aql*, *hifzu an-nasb* dan *hifzu al-māl*, begitu juga *al-*

Hājiyyāt dan al-Tahsiniyyāt. Dalam meneliti *maqāsid* pensyariatkan zakat, zakat pertanian menjadi salah satu faktor penting dalam memelihara *maṣlahah* entiti zakat iaitu *muzakki* (para petani) dan para asnaf khususnya di Malaysia¹.

Sehubungan dengan itu, perlunya transformasi zakat pertanian di Malaysia berlandaskan kepada teras syarak iaitu *maqāsid syarī'ah* dalam pendefinisian semula konsep, teori, hukum dan kaedah berteraskan Islam serta penyesuaian hukum berdasarkan nilai-nilai semasa dan setempat. Cakupan kajian ini bagi meneliti kewajipan zakat pertanian selain tanaman padi, serta membahaskan isu taksiran zakat pertanian padi di Malaysia. Kesemua isu ini dihubungkan dengan *maqāsid syarī'ah* yang menjadi tuntutan asas syarak bagi memelihara *maṣlahah* asnaf agar hukum zakat lebih dinamis.

1.1 Permasalahan Kajian

Sektor tanaman pertanian Malaysia telah berkembang sehingga kini terdiri daripada tanaman utama, tanaman biji-bijian, tanaman buah-buahan, tanaman sayur-sayuran, tanaman rempah-ratus, tanaman kelapa dan tanaman kontang. Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian Malaysia 2011 memperlihatkan pada tahun 2010 tanaman kelapa sawit mendahului dengan keluasan bertanaman 4,853.800 hektar dan pengeluaran sebanyak 16,994.000 tan metrik, diikuti tanaman getah. Manakala tanaman padi berada di tempat ketiga dengan keluasan bertanam 999.300 hektar dan pengeluaran sebanyak 2,548.000². Manakala dari sudut eksport utama hasil pertanian di Malaysia adalah produk kelapa sawit dan hasil pertanian getah dengan hasil bagi tahun 2010 sahaja adalah sebanyak RM62,223 juta dan RM9,210 juta³. Bagi jenis tanaman-tanaman yang lain pula menunjukkan pertumbuhan

¹ Hasanah Binti Abd Khafidz, "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Pentafsirannya Di Malaysia" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 2.

² _____ Buku Maklumat Perangkaan 2011 (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011), 17.

³ *Ibid*, VIII

yang positif dari sudut guna tanah dan hasil pengeluaran dengan tanaman buah-buahan, kelapa dan sayur-sayuran mencatatkan pengeluaran yang tertinggi dengan masing-masing mencatatkan pengeluaran sebanyak 1,767.800, 534.370 dan 527.622 tan metrik⁴.

Pengalaman di Malaysia kutipan zakat pertanian berpandukan kepada pegangan mazhab Syāfi'e yang berpendapat bahawa zakat tanaman hanya dikenakan pada makanan asasi (*qūt*)⁵, hasil pertanian yang mengenyangkan dalam keadaan biasa⁶, diusahakan oleh manusia⁷, tahan disimpan lama dan boleh dikeringkan. Pendapat mazhab ini tidak mengambil kira hasil pertanian yang lain seperti tanaman utama yang lebih menguntungkan seperti tanaman kelapa sawit, tanaman getah dan tanaman kelapa berdasarkan hadith Mu`az Ibn Jabal.

Terjemahan: “Pada apa yang dijirus oleh langit dan hujan, parit, telaga serta mata air sepuluh peratus dan pada apa yang dijirus dengan binatang lima peratus. Demikian adalah pada buah-buahan, gandum dan bijirin. Tetapi tembikai, timun, delima, pucuk-pucuk dan sayuran dimaafkan Rasulullah s.a.w.”⁸

Bahkan, di Malaysia Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah memutuskan bahawa tanaman komoditi utama seperti kelapa sawit, kelapa, getah dan lain-lain tidak diwajibkan zakat⁹.

Yusuf Al-Qardāwī dalam *Fiqh Zakāt*¹⁰ telah melontarkan kritikan terhadap isu keterbatasan hasil pertanian yang dikenakan zakat ini, dengan menyatakan:

⁴ Buku Maklumat Jabatan Pertanian 2010, 19-23.

⁵ Al-Syāfi'e, *al-Umm* (Beirūt: Dār al-Ma`ārif, 1973), 2: 34.

⁶ Al-Khatīb Al-Sharbinī, *Muqhnī al-Muhtāj* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1978), 2: 381.

⁷ Al-Sayūtī, Jalaluddīn Abd Rahman al-Sayūtī, *al-Ashbāh wa al-Nazāir* (Riyadh: Maktabah Nazar Mustafha al-Bāz, 1997), cet.2, 471.

⁸ Riwayat al-Baihaqī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Lā Syaiun Fī al-Thamar Hattā Yabluq Kullu Sinfī Minhā Khamsan Awsuq Fayakun Fī Mā Balaqa Minhu Khamsah Awsuq Sadaqah, no. Hadith 7268. Al-Nawawī mengatakan hadith ini bertaraf *mursal*. Manakala dalam riwayat Dāruqutnī daripada Mu`az bin Jabal sanad hadithnya *da'if* kerana Muhammad bin Abdullah al-'Azrāmī dalam sanadnya diabaikan.

⁹ Laman sesawang Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 29 Disember 2011, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-komoditi-utama-seperti-kelapa-kelapa-sawit-getah-lada-hitam-nenas-dan-lain-lain>.

“Bukanlah satu yang bijaksana mewajibkan zakat ke atas penanam gandum tetapi membiarkan pula pekebun oren dan epal sedangkan sumber keduanya adalah dari bumi.”

Berdasarkan komentar di atas memperlihatkan pegangan Al-Qardāwī¹¹ berkenaan dengan perluasan hasil zakat pertanian dengan berpegang kepada pendapat Abū Ḥanīfah yang mewajibkan zakat pertanian ke atas semua hasil tanaman berdasarkan keumuman *nās* daripada surah al-Baqarah 2: 267¹² :

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu Yang baik-baik, dan sebahagian dari apa Yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih Yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil Yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali Dengan memejamkan mata padanya.

Dan surah al-An`am 6: 141: ¹³

Terjemahan: Dan Dia lah (Allah) Yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun Yang menjalar tanamannya dan Yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman Yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, Yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua Yang kamu makan atau belanjakan.

Begitu juga hadith sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn `Umar yang lebih bertepatan dengan *maṣlahah`ammah* dan ekonomi pertanian setempat, seperti berikut:

Terjemahan :“Pada apa yang dijirus oleh langit atau mata air atau takungan sepuluh peratus, dan pada apa yang dijirus dengan tenaga lima peratus”¹⁴.

¹⁰ Al-Qardāwī, Yusuf, *Fiqh al-Zakāh* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997), 355.

¹¹ Al-Qardāwī berpegang kepada pandangan Imam Hanafī kerana berpendapat dalil mazhab inilah yang paling sahih.

¹² Surah al-Baqarah 2: 267.

¹³ Surah al-An`am 6:141.

¹⁴ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Al-‘Usyr Fī Mā Yuskhā Min Mā’ as-Sama’ Wa Bil Mā’ Al-Jārī, no Hadith 1483. Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 3: 346. Hadith sahih.

Jika diaplikasikan pendapat Al-Qarḍāwī ke atas tanaman komersial seperti tanaman kelapa sawit, getah dan kelapa boleh dikenakan zakat pertanian apabila melepasi nisab, nescaya mampu meningkatkan kadar kutipan zakat pertanian dan mampu memperkuat lagi ekonomi ummah (*hifzu al-Māl*) khususnya golongan asnaf zakat.

Isu berkenaan perluasan hasil zakat pertanian telah diperlihatkan pada era pemerintahan Khalifah `Umar al-Khattab lagi. Khalifah telah berijtihad dengan memperluaskan tafsiran zakat pertanian terhadap sayur-sayuran dan kekacang seperti 'adas (kacang), *humus* (kacang putih), *kuṭniyyah* (kapas) dan buah zaitun dikenakan zakat¹⁵. Begitu juga beliau berijtihad dengan mengenakan zakat ke atas kuda, disebabkan *maṣlahah* semasa kegunaan kuda di zamannya telah dikomersialkan berbanding kegunaannya semasa zaman Nabi s.a.w hanya terhad bagi tujuan pertanian dan pengangkutan sahaja. Persoalannya adakah tindakan `Umar ini bertentangan dengan hadith daripada Abī Hurairah¹⁶ r.a yang tidak mewajibkan zakat ke atas kuda? Ijtihad `Umar dalam memperluaskan hasil zakat pertanian berteraskan *maṣlahah* semasa dan setempat, dengan tidak membelakangkan *naṣ-naṣ* al-Quran mahupun hadith. Justeru itu, berdasarkan *maṣlahah* semasa dan setempat sesuatu hukum itu tidak rigid dan boleh berubah berdasarkan kaedah fiqh “*Hukum (fatwa) boleh berubah akibat berubahnya masa, tempat dan suasana*”¹⁷

Pada masa kini, keperluan untuk menambah hasil zakat difikirkan perlu, pandangan ini disokong oleh S.S Mufti Kedah, S.S Mufti Penang, Mahmood Zuhdi, Mujaini Tarimin,

¹⁵ Musa Ahmad et al., “Penerokaan Sumber Baru Zakat Di Malaysia” (makalah, Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan, anjuran Pusat Zakat Selangor, MATA, PPZ Wilayah, JWZH dan IKaZ, 2007), 2-4. Lihat Riwayat al-Ṭabrāni dan Hākīm, *Majma' al-Zawā'id wa Man'u al-Fawā'id*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Ḥubūb, no.Hadith 4399, al-Ṭabrāni mengatakan dalam kitāb *al-Kabīr* rijal hadith *thiqāt* dan *ṣahih*.

¹⁶ Ijtihad `Umar ini seolah-olah bertentangan dengan hadith daripada Abī Hurairah r.a , sabda Nabi s.a.w:

Terjemahan: “Tidak diwajibkan (zakat) ke atas muslim akan kudanya dan hambanya”.

Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Laisa `Alā al-Muslim Fī Farasihi Wa Qulāmihi Sadaqah, no Hadith 1394. Hadith sahīh.

¹⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan Muhammad Muḥyū al-Dīn ‘Abd ‘Azīz (ed), *I'lām al-Muwaqqi'īn `An Rabb al-`Ālamīn* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1977), 3: 14.

Hailani Muji Tahir, Syed Ghazali Syed Wafa, Ali Baharom, dan Abdul Rahim Bakar¹⁸.

Oleh itu, penulis berpendapat berdasarkan *maqāṣid syari'ah* iaitu *maslahah* ekonomi pertanian semasa dan setempat, perluasan sumber hasil zakat pertanian kepada selain tanaman padi difikirkan signifikan untuk dikaji. Ini kerana pertamanya, sumber perolehan zakat padi sangat terbatas jika dibandingkan dengan tanaman utama dan tanaman-tanaman yang lain disebabkan oleh faktor keluasan tanah pertanian padi yang tidak ekonomik yang meminimumkan hasil pengeluaran padi. Keduanya, perolehan yang tidak stabil khususnya zakat padi yang senantiasa kurang dan berada di tangga sebelum terakhir jika dibandingkan dengan zakat harta lain seperti zakat perniagaan, zakat pendapatan, zakat KWSP dan zakat wang simpanan, ini disebabkan kadar kutipan zakat padi di kebanyakan negeri sudah mencapai tahap maksimum. Ketiga, keperluan perbelanjaan *ḍaruriyyāt* asnaf zakat kian meningkat disebabkan tuntutan semasa.

Dalam aspek lain, kemajuan dan perkembangan sektor pertanian memerlukan penggunaan teknologi moden serta benih dan pelbagai baja yang bermutu tinggi, kesemua perkembangan ini juga seiring dengan penambahan kos penanaman padi di Malaysia. Dari segi taksiran zakat pertanian, terdapat beberapa isu yang dibahasakan oleh sarjana Islam termasuklah kewajaran penolakan kos operasi tanaman dan kos sara diri petani sebelum dikenakan zakat. Majoriti fuqaha termasuklah Ibn Ḥazm berpendapat kos operasi dan kos sara diri tidak ditolak dan dikenakan zakat pertanian ke atas hasil kasar sahaja, ini kerana tidak terdapat *naṣ* yang jelas tentang penolakan ini¹⁹. Pendapat ini disokong oleh Ibn Humam²⁰ dengan mendatangkan hujah bahawa penolakan kos hanya dibenarkan apabila melibatkan pengairan sahaja bersandarkan hadith sahih Ibn `Umar iaitu pengurangan

¹⁸ Musa Ahmad et al., "Penerokaan Sumber Baru Zakat Di Malaysia", 10.

¹⁹ Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā* (Kaherah: Maktabah al-Jumhūriyah al-`Arabiyah, t.t), 5:384.

²⁰ Ibn Humam, *Fath al-Qadīr* (Kaherah: al-Halabī, 1970), 2: 250.

daripada 10% kepada 5% apabila melibatkan tenaga usaha dalam kaedah pengairan tanaman.

Manakala golongan kedua mengharuskan penolakan kos operasi dan kos sara diri bagi menjamin *maṣlahah* para petani. Al-Qārdāwī²¹ berpandangan bahawa bebanan dan kos merupakan faktor yang memberi kesan dalam hukum. Beliau mendatangkan contoh zakat binatang ternakan sekiranya penternak perlu mencari makanan untuk binatang ternakan sepanjang tahun, maka binatang ternakan tersebut tidak dikenakan zakat ternakan. Beliau juga berpendapat zakat diwajibkan kerana adanya pertumbuhan, dalam konteks ini pertumbuhan tidak mewujudkan kekayaan kerana kos tanaman yang sangat besar.

Ibn `Umar menyokong pendapat kedua ini dengan berhujah keperluan mengutamakan nafkah keluarga dengan memberi pelepasan kos sara diri bagi menjamin *maṣlahah* para petani dan tanggungannya dengan merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh Jabir bahawa sabda Rasulullah s.a.w:

Terjemahan: “Berikanlah terlebih dahulu kepentingan diri mu, apabila lebih berikan kepada isteri mu, apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga dekat mu, apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain”²²

Ibn `Arabī pula menyatakan asas kepada keharusan penolakan kos-kos tertentu sebelum diwajibkan zakat pertanian bersandarkan amalan Nabi s.a.w mengarahkan agar para penaksir bertimbang rasa dengan memberikan pelepasan sebanyak 1/3 atau 1/4 daripada jumlah hasil tanaman untuk kegunaan para petani, sepertimana hadith Sahl bin Abī Hathamah:

²¹ Al-Qardāwī, Yusuf, *Fiqh al-Zakāh*, 396-397.

²² Riwayat Muslim, *Kitāb al-Zakāt, Bāb al-Ibtidā’ Fī al-Nafaqah Bi al-Nafs Thumma Ahlahu Thumma al-Qarābah*, no.Hadith 997. Muslim, *Ṣaḥīh Muslim* (Riyad: Dār at-Ṭayyibah, 2006), 1: 445, hadith sahih.

Terjemahan: “Apabila kalian menaksir jumlah zakatnya, pungutlah dan tinggalkanlah sepertiganya 1/3 atau seperempat 1/4”.²³

Dapat difahami daripada hadith-hadith di atas bahawa Rasulullah s.a.w memberi pertolongan dengan penolakan kos operasi kepada para petani kerana kemungkinan terdapat hasil tanaman yang rosak atau menjadi keperluan orang ramai demi *maṣlahah* para petani dan tanggungannya.

Di Malaysia terdapat kepelbagaian hukum dalam taksiran zakat pertanian, secara ringkasnya terdapat tiga kategori dalam penolakan kos-kos sebelum dikenakan zakat tanaman. Pertama, kebanyakan negeri masih belum menilai semula hukum (fatwa) kewajaran penolakan kos-kos seperti Selangor, Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang, Kuala Lumpur dan Sarawak. Kedua, negeri yang hanya menolak kos operasi tanaman sahaja iaitu negeri Kedah, Pulau Pinang dan Sarawak. Ketiga, hanya negeri Perlis sahaja memberikan pelepasan kesemua kos iaitu kos operasi dan kos sara diri seperti jadual di bawah:

Jadual 1.1. Ketidakselarasan Taksiran Zakat Tanaman Di Malaysia

Bil	Negeri	Kadar	Kos Tanaman
1	Selangor	5% sahaja	Tidak ditolak
2	Kedah / Pulau Pinang	10% sahaja	Tolak kos operasi
3	Johor / Kelantan / Negeri Sembilan / Terengganu / Pahang	5% = tenaga dan jentera 10% = hujan/sungai/parit	Tidak ditolak
4	Perlis	5% = jika tidak menolak sebarang kos 10% = jika kos-kos ditolak	Tolak kos operasi dan kos sara diri

²³ Riwayat Al-Tirmizī, Kitāb al-Zakāt ‘An Rasulullah s.a.w, Bab Jāa Fī al-Khars, no.Hadith 643. Al-Tirmizī, *Sunan*, 3: 35.Hadith ini diriwayatkan juga oleh Abu Dāud, Nasā’I dan Ahmad bin Hambal. Ibn Ḥibbān dan al-Hākīm menṣāḥihkan hadith ini. Abd Rahman bin Mas’ud bin Niyar meragui *kethiqahan* Ibn Hibban dan berpendapat hadith ini *mauqūf* kepada ‘Umar r.a.

5	Kuala Lumpur /Sarawak /Melaka	5% = tenaga dan jentera 10% = hujan/sungai/parit 7.5% = kedua-dua cara	Sarawak sahaja yang tolak kos operasi
---	-------------------------------	--	---------------------------------------

Sumber: Laman Sesawang Pusat Zakat Negeri.

Jika diamati negeri Perlis telah mengamalkan penolakan kos operasi dan kos sara diri berdasarkan dalil keharusan penolakan kos-kos. Taksiran ini lebih menepati *maṣlahah* semasa, ini kerana *maqṣad* diwajibkan zakat hanya dikenakan kepada mereka yang kaya berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w:

Terjemahan: “Tidaklah bersedekah (berzakat) melainkan ke atas orang kaya²⁴”.

Objektif syarak adalah “*Jalbu al-Manfa’ah wa daf’u al-Maḍarrah*”. Kemudaratan akan berlaku jika penolakan kos-kos ini tidak dibenarkan. Berdasarkan kajian Asmak dan Pazim pada tahun 2005 di Tanjung Karang dan Sabak Bernam, kesan tidak menolak kos penanaman dan kos sara hidup mendapati sebahagian pembayar zakat padi tergolong dalam golongan miskin, ini direkodkan bahawa 14.1% orang petani yang membayar zakat hanya memperoleh pendapatan kasar bulanan sekitar RM510 dan seramai 45.7% pula mendapat pendapatan bulanan bersih di bawah garis kemiskinan²⁵. Kesan daripada masalah ini akan mewujudkan konflik antara penerima agihan zakat dan pembayar zakat yang mana bertentangan dengan *maqāṣid* zakat iaitu hadith Ibn `Umar:

Terjemahan: “Ambillah daripada orang kaya dan kembalikan kepada orang miskin”²⁶

²⁴ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb Zakāt, Bāb Lā Sadaqah Illā ‘An Ṣahri Qhanī, no.Hadith 1360. Muhammad bin Ismā’il al-Bukhārī, *Ṣahīh al-Bukhārī*, (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993). Hadith sahih.

²⁵ Asmak Ab. Rahman dan Pazim @ Fadzim bin Othman, “*Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian Di Selangor*” Jurnal Syariah 13:1 (2005), 56-58.

²⁶ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Wujūb al-Zakāt, no.Hadith 1395, hadith sahih.

Oleh itu, dicadangkan dinilai semula fatwa zakat ke atas hasil pertanian dan penolakan kos operasi dan kos sara diri sebelum diwajibkan zakat berteraskan *maṣlahah* ekonomi pertanian semasa dan kepentingan awam, sepertimana yang termaktub di dalam seksyen 54 (2) (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang membenarkan bertal^{fiq} mengikut *qaul* muktamad Mazhab Ḥanafī, Mālikī atau Hanbalī ataupun dibenarkan berijtihad tanpa terikat kepada mana-mana *qaul*²⁷.

1.2 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini, iaitu:

1. Menghuraikan konsep zakat pertanian dari perspektif *maqāṣid syarī`ah*.
2. Mengenal pasti pelaksanaan zakat pertanian dalam konteks Malaysia.
3. Menganalisis pelaksanaan zakat pertanian di Malaysia dan keperluan perluasan pentafsiran mengenainya dari perspektif *maqāṣid syarī`ah*.

1.3 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian di atas, beberapa persoalan perlu diberi perhatian oleh penulis:

1. Apakah konsep zakat pertanian dari perspektif *maqāṣid syarī`ah*?
2. Apakah pelaksanaan zakat pertanian dalam konteks Malaysia ?
3. Apakah kewajaran perluasan zakat hasil pertanian di Malaysia berdasarkan *maqāṣid syarī`ah*?
4. Apakah kewajaran pengiraan penolakan kos operasi dan kos sara diri di Malaysia berdasarkan *maqāṣid syarī`ah*?

²⁷ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, (Seksyen 54, 2003) ; lihat Enakamen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 54, 2004) ;Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, (Seksyen 54, 2001) ;Ordinan Majlis Islam (Sarawak) 2001, (Seksyen 39, 2001).

1.4 Skop Kajian

1.4.1 Batasan Subjek Kajian

Subjek yang dikaji adalah zakat pertanian di Malaysia secara makronya. Kajian ini juga merangkumi penggunaan *maqāsid syarī`ah* terdiri daripada elemen semasa, setempat, *'urf* dan *maṣlahah`ammah* dalam penetapan hukum zakat pertanian di Malaysia. Antara aspek yang dikaji dan dinilai semula bagi selaras dengan *maqāsid* dan keadaan semasa adalah perluasan jenis hasil zakat tanaman di Malaysia dan penolakan kos taksiran zakat padi.

1.4.2 Batasan Lokasi Kajian

Penulis akan melakukan kajian perbandingan berkenaan fatwa dan undang-undang yang berkait rapat dengan zakat pertanian antara negeri-negeri yang terpilih. Antara negeri-negeri tersebut adalah Selangor, Perlis, Sarawak, Pulau Pinang dan Terengganu. Terdapat beberapa justifikasi pemilihan negeri-negeri tersebut, pertamanya merujuk kepada kepelbagaian nisab, kadar dan penolakan kos-kos zakat pertanian yang berbeza berdasarkan penelitian Jadual 1²⁸. Kedua, berdasarkan tajuk kajian ini meliputi Malaysia, oleh itu setiap negeri dipilih mewakili zon setiap negeri di Malaysia, seperti berikut:

Negeri	Zon
Sarawak	Mewakili zon Sabah dan Sarawak
Terengganu	Mewakili zon Pantai Timur
Pulau Pinang	Mewakili zon Utara
Selangor	Mewakili zon Tengah

Rasional ketiga adalah berdasarkan pemakaian mazhab dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Negeri Perlis agak berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini kerana Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam mengeluarkan sesuatu fatwa berlandaskan al-

²⁸ Lihat halaman 9.

Quran dan Sunnah²⁹, berbanding negeri-negeri lain yang menjadikan *qaul* muktamad mazhab Syāfi`e diutamakan berbanding *qaul-qaul* mazhab muktabar yang lain³⁰.

1.4.3 Batasan Informan Kajian

Informan temu bual adalah mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang hukum dan zakat, seperti para mufti dan pegawai-pegawai di Baitulmal Negeri.

1.5 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa signifikan yang jelas bagi kajian ini, iaitu:

- i. Kajian ini dapat mengenal pasti sumber baru zakat harta yang *diikhtilafkan* khususnya perkaitan kewajipan zakat dikenakan ke atas pertanian komersial. Hal ini dapat menambahkan sumber pendapatan pusat-pusat zakat, seterusnya mampu membawa kekayaan serta *maṣlahah* kepada golongan asnaf agar dapat memajukan ekonomi umat Islam di Malaysia.
- ii. Kajian ini juga dapat menjelaskan tentang pentafsiran zakat pertanian yang sesuai dengan realiti semasa dan tuntutan *maqāsid* syarak. Ia juga meneliti kewajaran perubahan taksiran hukum zakat disebabkan perubahan teknologi di arus globalisasi yang memerlukan kos tanaman yang tinggi.
- iii. Signifikan kajian ini dapat meneliti syarat-syarat serta kaedah zakat pertanian dengan merumuskan pendapat-pendapat fuqaha terdahulu serta ulama kontemporari

²⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis), 2006, (Seksyen 47, 2006). Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis tidak terikat kepada pemakaian mazhab Syafie sahaja, malah diperluaskan kepada pemakaian pandangan mazhab-mazhab muktabar yang lain atau berijtihad berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.

³⁰ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, (Seksyen 54, 2003) ; lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 54, 2004) ;Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, (Seksyen 54, 2001) ;Ordinan Majlis Islam (Sarawak) 2001, (Seksyen 39, 2001).

serta cuba mencadangkan taksiran zakat pertanian berdasarkan *maqāṣid syarī`ah* yang lebih dinamis.

- iv. Signifikan kajian ini dengan menjadikan *maqāṣid syarī`ah* sebagai kaedah pengeluaran hukum di samping kewujudan metode-metode yang sedia ada, bagi memelihara kemaslahatan dan menolak kemudaratan dalam mengeluarkan sesuatu hukuman bertunjangkan pemeliharaan *al-ḍarūriyyāt*, *al-hājiyyāt* dan *al-tahsiniyyāt* dalam muamalat semasa, khususnya berkaitan dengan zakat.
- v. Kajian ini juga dapat memberikan buah fikiran serta cadangan berkenaan zakat pertanian agar dapat diaplikasikan oleh pusat-pusat zakat di seluruh Malaysia dan mencadangkan kepada Majlis Fatwa Negeri atau Kebangsaan agar menilai semula fatwa berkenaan zakat pertanian. Akhirnya dapat mewartakan kewajipan zakat tersebut melalui saluran perundangan yang sedia ada. Hal ini dapat dijadikan alternatif terbaik bagi penambahbaikan pengurusan zakat pertanian di Malaysia.

1.6 Metodologi Kajian

1.6.1 Metode Pengumpulan Data:

Secara umumnya penulis mengetengahkan data kualitatif dalam metode pengumpulan data. Kajian ini melibatkan kaedah utama iaitu kaedah penyelidikan teoretikal (kajian perpustakaan) dan kaedah empirikal (kajian lapangan).

a) Kajian Perpustakaan

Melalui kaedah teoretikal ini, kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpul maklumat awal mengenai latar belakang kajian iaitu mencari *`illah* mensabitkan zakat pertanian selain tanaman padi dan meneliti penolakan kos operasi tanaman zakat pertanian tersebut serta mencari hubung kait dengan *maṣlahah*. Sumber primer dan sekunder juga akan dikaji

melibatkan kajian terhadap buku-buku zakat dan *maqāsid syarī`ah*, artikel ilmiah, jurnal, latihan-latihan ilmiah serta kertas kerja persidangan dan maklumat daripada laman sesawang rasmi. Data-data ini diambil daripada pelbagai perpustakaan:

- i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Peringatan Za`ba, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- iv. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kajian ini juga melibatkan kaedah dokumentasi dengan mengambil dokumen berkenaan zakat pertanian dan juga menggunakan kaedah historis yang lebih memfokuskan amalan *athār* para Khulafa' al-Rāsyidīn yang melakukan ijtihad terhadap sumber zakat.

Kaedah penyelidikan empirikal pula melibatkan dua peringkat iaitu pengumpulan dan analisis data. Kajian ini akan mengumpulkan data-data primer dan sekunder. Untuk data primer, maklumat akan diperoleh melalui kajian lapangan iaitu kaedah temu bual.

b) Metode Temu Bual

Penulis menggunakan metode temu bual secara bersemuka (*face to face*) bersama pakar dalam bidang zakat khususnya mereka yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan hukum zakat, mereka terdiri daripada informan-informan daripada Institusi Zakat Negeri dan Jabatan Mufti Negeri.

Objektif kajian temu bual ini bagi mendapat maklumat berkenaan fatwa-fatwa zakat pertanian yang telah diputuskan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri dan kaedah pelaksanaan semasa pengurusan zakat tanaman di Baitulmal Negeri. Begitu juga bagi mendapatkan sudut pandangan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh penulis.

Kaedah temu bual separa-berstruktur dijalankan dengan membuat temu janji terlebih dahulu melalui surat permohonan melakukan kajian temu bual, dilampirkan bersama surat akuan Universiti Malaya dan soalan-soalan temu bual. Kaedah merekodkan data dengan menggunakan catatan bertulis dan rakaman suara MP3 (dengan kebenaran informan). Pemilihan informan untuk ditemu bual ditetapkan sendiri oleh institusi, seperti berikut:

Negeri	Pusat Zakat Negeri	Jabatan Mufti Negeri
Pulau Pinang	Ustaz Azhari Bin Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara`), Jabatan Kutipan Dan Pemasaran, PUZ Pulau Pinang	Y.Bhg. S.S. Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Ahmad (Mufti Negeri Pulau Pinang)
Sarawak	Ustaz Zulhazmi Bin Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman)	Y.Bhg S.S. Ustaz Haji Kipli Bin Haji Yassin (Mufti Negeri Sarawak)
Selangor	Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor)	Ustaz Mat Jais Bin Kamus (Penolong Mufti Selangor)
Perlis	Ustaz Mohd Nazim bin Haji (Md Ketua Unit Zakat Bahagian Baitulmal Perlis Noor)	Ustaz Roslan bin Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis)
Terengganu	Tuan Zuhaimi Bin Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif Taksiran Zakat, MAIDAM Terengganu)	-

Soalan temu bual (Lihat Lampiran N: Soalan Temu Bual Dengan Institusi Zakat Negeri Dan Jabatan Mufti Negeri) di struktur dengan merujuk kepada keperluan kajian iaitu melibatkan kajian zakat pertanian dan *maqāṣid syarī`ah*. Kiriman awal soalan temu bual dibuat dan setiap soalan ditanya dan dijawab satu persatu. Struktur soalan yang dibuat dengan mengkategorikan setiap soalan kepada isu-isu yang diketengahkan agar memudahkan analisa data transkripsi temu bual. Seperti jadual di bawah:

Kategori	Hukum (fatwa) zakat pertanian	Jenis tanaman yang dizakatkan	Nisab zakat tanaman	Kadar zakat tanaman	Penolakan kos-kos sebelum dizakatkan	<i>Maqāsid syarī'ah</i> ibadah zakat
No. soalan	(1) (2) (3) (6)	(4) (5) (7)	(8) (9) (10)	(11) (12) (13)	(14) (15) (16)	(17) (18)
Jumlah soalan (18)	2	4	3	3	3	2

1.6.2 Metode Penganalisisan Data

Peringkat kedua dalam metode empirikal ini ialah pemprosesan dan analisis data. Untuk menganalisis data yang diperoleh, metodologi yang digunakan ialah berbentuk analisis induktif (*istinbāt*), deduktif (*istiqrā'i*) dan komparatif (*muqāranah*).

i. Analisis Induktif:

Dalam pendekatan induktif penulis bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian daripada sesebuah penyelidikan, dan kemudian berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoretikal daripada hasil tersebut.

Kaedah yang digunakan ini bagi menjalankan analisis melalui kaedah analisis kandungan iaitu dengan menumpukan kepada pandangan ulama silam dan kontemporari mengenai isu perluasan hasil zakat pertanian serta taksirannya meliputi perbahasan kos-kos tanaman. Penulis juga menggunakan kaedah analisis hukum terhadap hujah dan pandangan fuqaha tentang zakat pertanian.

ii. Analisis Deduktif:

Dalam pendekatan deduktif penulis akan mengumpul data mengenai sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperoleh. Soalan temu bual distrukturkan daripada data dari perpustakaan secara deduktif.

iii. Analisis Komparatif:

Membandingkan data hasil daripada temu bual dan dokumentasi dengan kelima-lima negeri, melihat kaedah yang bertepatan dengan *maqāsid* semasa. Dalam hal ini, kaedah perbandingan juga dilakukan dengan mencari titik persamaan dan perbezaan antara pandangan informan untuk mengeluarkan resolusi yang sistematik, bersepadu dan konsisten. Kemudian penulis menggunakan kaedah analisis nilai '*urf, maṣlahah (maqāsid syarī'ah)*', semasa dan setempat bagi melihat kewajaran menyelesaikan isu-isu berkaitan hukum zakat pertanian di Malaysia.

iv. Analisis Deskriptif:

Menggunakan jadual, rajah dan graf bagi menganalisis data yang diperoleh daripada proses temu bual dan laporan-laporan.

1.7 Sorotan Literatur

Berdasarkan terminologi kajian ini melibatkan beberapa struktur zakat yang perlu diamati merangkumi zakat, perluasan sumber harta zakat, zakat pertanian dalam konteks Islam dan Malaysia dan agen transformasi hukum zakat iaitu berdasarkan *maqāsid syarī'ah*. Justeru sorotan kajian akan dibahagikan berdasarkan beberapa tema yang telah dikelompokkan. Ia akan melibatkan sorotan kajian terhadap tesis, disertasi, jurnal, artikel seminar pembentangan kertas kerja, buku-buku zakat dan *maqāsid syarī'ah*.

1.7.1 Kajian Mengenai Zakat

Kajian mengenai zakat juga dipecahkan kepada sub tema yang menyentuh secara langsung tentang transformasi zakat pertanian di Malaysia atau secara tidak langsung. Pecahan sub tema ini melibatkan kajian kitab-kitab *turāth* dan kontemporari berkenaan zakat, perluasan sumber zakat dan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan hukum zakat.

i. Zakat

Kajian mengenai zakat telah lama dibahaskan oleh ulama terdahulu berdasarkan metodologi kefahaman mereka bersandarkan dalil-dalil serta keadaan semasa ketika itu. Antara penulisan berkenaan zakat yang menjadi rujukan utama adalah karangan ulama Abū Ḥanīfah iaitu kitab *al-kharāj* oleh al-Qādī Abū Yūsuf³¹, kitab *al-Amwāl* oleh Abū ‘Ubayd³², kitab *Badā’i al-Ṣanā’i* oleh Al-Kasānī³³. Masing-masing mengkaji berkenaan sistem kewangan negara Islam termasuklah membincangkan sumber pendapatan Negara seperti cukai tanah, *ḥajr*, *qhanīmah*, zakat serta membincangkan isu-isu mengenai ekonomi. Di samping penulisan ulama Abū Ḥanīfah terdapat juga beberapa karya penulisan ulama mazhab yang lain seperti Mālik bin Anas, Al-Syāfi’e dan Ahmad bin Hanbal yang menyetujui hal pengurusan ekonomi Islam misalnya kitab *Hāsyiat al-Dusūqī*³⁴, kitab *Mughnī Muhtāj*³⁵ dan kitab *al-Mughnī*³⁶.

Antara karya yang menjadi rujukan penulis berkenaan isu zakat kontemporari dengan merujuk buku *Fiqh Zakāh* oleh Yusuf al-Qarḍāwī³⁷, objektif penulisan buku ini ialah menjelaskan hukum hakam zakat secara menyeluruh. Hasil dapatan kajian penulis

³¹ Al-Qādī Abū Yūsuf, Ya’kub Bin Ibrāhīm *Al-Kharāj* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1979).

³² Abū ‘Ubayd, al-Qāsim bin Salām, *Kitab al-Amwāl* (Beirūt: Dār al-Syurūk, 1988).

³³ Al-Kasānī, ‘Alauddīn, *Badā’i al-Ṣanā’i* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘ilmiah, 2002).

³⁴ Al-Dusūqī, Muhammad bin Ahmad. *Hāsyiah al-Dusūqī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘ilmiyyah, 1996).

³⁵ Al-Khatīb Al-Sharbīnī. *Mughnī al-Muhtāj* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1978).

³⁶ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994).

³⁷ Al-Qarḍāwī, Yusuf, *Fiqh al-Zakāh* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973).

berpendapat dalam isu zakat pertanian diwajibkan ke atas semua pertanian dan tidak terhad kepada makan ruji sesuatu tempat sahaja berdasarkan *maṣlahah* serta kepentingan *maqāṣid syarī'ah*. Namun, kajian ini tidak memperincikan dalam konteks Malaysia yang majoritinya berpegang kepada Mazhab Syāfi'e serta tidak menerangkan perbandingan dan konstruktif jika pertanian dikategorikan di bawah zakat pertanian tidak di bawah 2.5% zakat perniagaan.

Terdapat juga karya zakat yang dikarang oleh Mahmood Zuhdi bin Hj. Abdul Majid, *Pengurusan Zakat*³⁸. Karya ini dilihat banyak terpengaruh dengan manhaj Syeikh Yusuf al-Qarḍāwī dalam pentafsiran beberapa konsep berhubung zakat dengan penghuraian berasaskan *naṣ* al-Quran dan Sunnah, taksiran-taksiran serta pandangan fiqh para fuqaha. Penambahbaikan karya Mahmood Zuhdi ini jelas dengan membahaskan nilai serta realiti semasa yang boleh diambil sebagai metodologi penentuan hukum Islam agar ia lebih bersesuaian dengan keadaan semasa. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan hubung kait antara zakat dan *maqāṣid* secara mikronya.

ii. Perluasan Sumber Zakat

Di samping kajian zakat, kajian yang mengkhusus kepada harta-harta zakat yang perlu diperluaskan juga telah banyak dikaji contohnya “Harta-Harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum”, oleh Ahmad Hidayat Buang³⁹. Ahmad Buang membincangkan hukum zakat harta yang ikhtilaf serta mengetengahkan teori-teori harta yang dikenakan zakat serta menetapkan syarat-syarat agar dapat diguna pakai dalam semua harta, seperti mana pewartaan fatwa wajib zakat pendapatan berdasarkan *'illah*. Penulis kajian ini juga banyak terkesan dengan pendekatan yang dipelopori oleh Yusuf al-Qarḍāwī dalam kitab *Fiqh*

³⁸ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

³⁹ Ahmad Hidayat Buang “Harta-Harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum”, *Jurnal Syariah* 6 (1998), 23-36.

Zakāt. Hasil dapatan kajian Ahmad Buang berkeyakinan zakat-zakat harta tidak terhad kepada yang dibincangkan oleh fiqh mazhab, malah boleh dikembangkan lagi demi *maṣlahah* umat Islam. Akan tetapi kajian ini tidak mengetengahkan idea serta prinsip pengiraan zakat pertanian yang sesuai dalam konteks semasa Malaysia.

Kajian seterusnya “Penerokaan Sumber Baru Zakat Di Malaysia” (2007), oleh Musa Ahmad *et.al*⁴⁰. Antara perbincangan kajian ini adalah berkisar persoalan kaedah yang digunakan untuk mentafsir ayat-ayat berkaitan zakat dan penentuan sumber-sumber baru. Serta kaedah pengiraan kadar zakat sama ada berdasarkan *nas* mahupun *‘illahnya*, persoalan mengenai faktor-faktor yang mendorong seseorang itu menunaikan zakat serta menyatakan beberapa pendapat tentang keperluan meluaskan sumber zakat. Kajian ini tidak mempamerkan tentang kaedah *maqāsid syarī‘ah* serta hubung kaitnya dengan zakat pertanian komersial seperti kelapa sawit, getah dan kelapa. Kajian ini hanya bersumberkan data yang diambil daripada kajian-kajian terdahulu termasuk pandangan imam mazhab mengenai sumber berkenaan zakat, tanpa melakukan kajian lanjutan kuantitatif.

Kajian ketiga yang membincangkan berkenaan perluasan harta zakat, karya “Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harta Yang Di ikhtilaf”, oleh Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid⁴¹ Kajian ini cuba memperluaskan asas zakat harta dengan mengenal pasti harta di ikhtilaf yang mungkin boleh dizakatkan serta menilai respons masyarakat terhadap langkah tersebut dengan melakukan kajian kuantitatif di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat banyak sumber harta baru yang boleh dizakatkan terutama atas alasan harta tersebut memberikan hasil lumayan. Cabaran serta kekurangan kajian ini dalam menentukan *‘illah* zakat secara jelas, kaedah yang sesuai menentukan jenis harta yang perlu dizakatkan serta kaedah pengiraan

⁴⁰ Musa *et al.*, “Penerokaan Sumber Baru Zakat Di Malaysia” .

⁴¹ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Sumber Zakat”, 135-162.

zakat bagi setiap jenis harta terutamanya zakat pertanian komersial di Malaysia merangkumi kelapa sawit oleh FELDA, pokok getah dan kelapa yang mendatangkan hasil yang sangat lumayan. Namun berdasarkan beberapa kajian berkenaan zakat, kajian ini boleh diiktiraf penulisannya sebagai usaha awal untuk menambah hasil kutipan zakat pertanian.

Perluasan kewajipan berzakat juga haruslah menyeluruh mencakupi jaminan sosial dan desentralisasi fiskal menjadi topik kajian oleh Abdul Ghafar Ismail dan Nur Azura Sanusi⁴². Objektif utama kajian ini bertujuan mengemukakan prinsip untuk memperluas kewajipan berzakat dan meneroka kesan zakat kepada desentralisasi fiskal dan jaminan sosial dengan menganalisis kemampuan pusat zakat negeri terpilih daripada sumber dan agihan zakatnya. Kemudian diikuti dengan perluasan ruang kewajipan berzakat, pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran zakat. Penulis berpendapat kelompangan artikel ini adalah perbincangan *maqāsid* zakat yang kurang menyeluruh hanya memfokuskan aspek ekonomi dan sosial sahaja.

iii. Transformasi Zakat

Terdapat beberapa hasil kajian berkait rapat dengan transformasi zakat iaitu kajian Muhamad Syukri Salleh *et.al.*, Transformasi Zakat Daripada Zakat Sara diri Kepada Zakat Produktif⁴³. Buku ini adalah kompilasi artikel-artikel pemikiran tentang bagaimana keadaan zakat yang berbentuk sara diri sekarang boleh berubah menjadi bentuk produktif iaitu zakat yang boleh berkembang setelah diagihkan kepada asnaf. Kajian ini mengemukakan transformasi zakat kepada produktif berteraskan Islam (*maqāsid syarī`ah*) dan bukannya

⁴²Abdul Ghafar Ismail dan Nur Azura Sanusi, "Peluasan Kewajipan Berzakat, Jaminan Sosial dan Desentralisasi Fiskal" dalam *Zakat Pensyariatatan Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

⁴³ Muhamad Syukri Salleh *et.al.* *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif* (Pulau Pinang : Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam ISDEV USM & Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang PUZ MAINPP, 2010).

konvensional misalnya zakat dalam menghapus kemiskinan digantungkan kepada konsep ekonomi konvensional dengan berteraskan (*Gross Domestic Product*, GDP) dan bilangan orang miskin dalam ekonomi sahaja. Kajian ini merangkumi isu cabaran agihan zakat masa kini, pengurusan zakat, transformasi asnaf dan akhir sekali berkaitan hukum dalam ijtihad dalam agihan zakat. Walaupun kajian ini menekankan transformasi dan membincangkan hukum ijtihad dalam zakat, namun skop perbincangannya kecil hanya berteraskan objektif kajian iaitu melihat zakat sara diri ditambah baik kepada zakat produktif demi kemaslahatan para asnaf.

Antara elemen transformasi adalah pengaruh '*urf* semasa dan setempat. Oleh itu satu kajian di peringkat doktor falsafah, tesis Hasanah Binti Abd Khafidz yang bertajuk "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Pentafsirannya Di Malaysia"⁴⁴ dan Disertasi Hamdi Rahman Mohd Yaacob bertajuk "Pengaruh Persekitaran Ekonomi Dalam Menentukan Kaedah Pungutan dan Pengagihan Zakat"⁴⁵. Penulisan yang membuah idea yang bernas kepada penulis bagi menganalisis sumber zakat yang baru berdasarkan pemboleh ubah semasa ekonomi dan setempat. Kajian ini bagi menilai semula pentafsiran asnaf lapan di Malaysia dengan merujuk kriteria yang ditetapkan oleh fuqaha. Seterusnya, satu penyelesaian perlu dijalankan agar pentafsiran yang diberikan dapat memenuhi kehendak keperluan masyarakat di Malaysia. Pemboleh ubah yang ditekankan dalam kajian ini menggunakan '*urf* serta kadar ekonomi semasa. Namun kajian ini hanya menjurus perbahasannya sekitar golongan penerima zakat iaitu asnaf lapan, tanpa menekankan kaedah serta metode pengumpulan harta bagi sumber baru untuk dimanfaatkan oleh semua lapisan asnaf baik sara diri mahupun produktif.

⁴⁴ Hasanah Binti Abd Khafidz "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Pentafsirannya Di Malaysia" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

⁴⁵ Hamdi Rahman Mohd Yaacob "Pengaruh Persekitaran Ekonomi Dalam Menentukan Kaedah Pungutan dan Pengagihan Zakat" (disertasi sarjana, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

Terdapat juga beberapa buku yang telah diterbitkan oleh Universiti Malaya seperti buku *Fiqh Malaysia*⁴⁶ yang memuatkan kompilasi artikel-artikel berkenaan faktor ‘urf semasa dan setempat dalam menentukan hukum di Malaysia, misalnya Md. Salleh Bin Haji Md. @ Haji Ahmad, ‘Urf dan Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum yang Tidak Dinaskan dan Abdul Karim Ali, Faktor-Faktor Semasa dan Setempat Di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum. Salleh Bin Haji Ahmad berpendapat ‘urf dan adat tetap diambil kira dalam memberi fatwa dan penghakiman bagi memelihara kepentingan atau *masalahah*. Manakala Abdul Karim Ali menyatakan bahawa faktor-faktor semasa dan setempat dalam penafsiran nas syarak dalam penentuan hukum boleh ditinjau daripada beberapa aspek seperti latar belakang keagamaan asal, multi ras, iklim, cuaca dan kemajuan teknologi. Seterusnya, buku Hukum Islam dan Budaya Tempatan terdiri daripada artikel Mohd Iki Hamid, Hubungan Budaya dan Hukum: Tumpuan Khusus Terhadap Perubahan Amalan Pertanian Padi di Kedah dan Kesannya Kepada Ibadat Zakat Padi⁴⁷ kajian ini melihat perubahan amalan pertanian di Kedah seperti perubahan yang dapat dilihat dalam semua peringkat penanaman padi merangkumi pembajakan tanah sawah, penyediaan benih, sistem tanaman yang digunakan, penunaian sehinggalah peringkat penjualan padi. Kesemua perubahan ini memberi kesan dan dampak kepada sosial, ekonomi malah aspek pelaksanaan hukum zakat pertanian. Namun perbincangan terlalu menjurus kepada perubahan semasa zakat padi tanpa melibatkan perbincangan yang lebih luas yang menyentuh isu kewajaran dikenakan zakat terhadap hasil pertanian yang lain.

⁴⁶ Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad, *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, (Kuala Lumpur : Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., 2004).

⁴⁷ Mohd Iki Hamid, “Hubungan Budaya dan Hukum: Tumpuan Khusus Terhadap Perubahan Amalan Pertanian Padi di Kedah dan Kesannya Kepada Ibadat Zakat Padi” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa III (SHIS III) Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 7-8 Nov 2000).

1.7.2 Kajian Mengenai Zakat Pertanian

Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan zakat pertanian yang direkodkan di Malaysia. Kajian mengenai zakat tanaman secara keseluruhannya meliputi kajian tentang isu-isu pertanian di Malaysia termasuklah pengiraan nisab, kadar, taksiran kos yang melibatkan taklid mazhab, perluasan zakat sektor pertanian serta *'illah* mensabitkan zakat pertanian.

Antara kajian empirikal mengenai zakat pertanian secara berfokus adalah tesis Nor Aini Binti Ali kajian mengenai Taksiran Dan Aplikasi Zakat Padi Di Malaysia⁴⁸. Kajian kualitatif dan kuantitatif ini dilakukan ke atas Baitulmal Negeri dan para petani di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Hasil kajian menunjukkan kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar tidak menjamin keadilan sosial dalam kalangan petani (*muzakkī*). Penulis berpendapat walaupun tesis ini menganalisa berkenaan taksiran zakat padi secara terperinci meliputi penetapan nisab, kadar dan penolakan kos-kos, namun kajian ini lebih terarah kepada soal perakaunan zakat dan tidak membincangkan daripada aspek hukum dan *maqāsid syarī'ah*.

Mujaini bin Tarimin telah membuat kajian mengenai Zakat Pertanian Sistem Dan Perlaksanaannya Di Malaysia Dengan Rujukan Khas Kepada Mukim Tanjung Karang Selangor⁴⁹. Kajian ini secara khususnya menjadikan tanjung karang sebagai kes kajian dalam menilai anggaran pendapatan zakat padi. Akhir perbincangan kajian ini Mujaini bin Tarimin telah mencadangkan agar Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) lebih terbuka dalam persoalan bermazhab, mempelbagaikan hasil pertanian seperti koko, kelapa, kelapa sawit, getah dan tanaman lain, mencadangkan kadar nisab sebanyak 600 gantang padi dan 400 gantang beras, zakat pertanian diwajibkan sebanyak 5% disebabkan oleh sektor pertanian

⁴⁸ Nor Aini Binti Ali "Taksiran Dan Aplikasi Zakat Tanaman Padi Di Malaysia" (tesis, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013)

⁴⁹ Mujaini bin Tarimin "Zakat Pertanian Sistem Dan Perlaksanaannya Di Malaysia Dengan Rujukan Khas Kepada Mukim Tanjung Karang Selangor" (disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1987). ; Lihat Mujaini bin Tarmin, *Zakat Pertanian Sistem Dan Perlaksanaannya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

telah moden dan sistem taksiran zakat pertanian hendaklah diperkenalkan secara meluas dan sistematik. Walaupun saranan ini telah mencecah 25 tahun, namun perubahan yang berlaku dalam zakat pertanian secara khususnya amat mendukacitakan.

Amalan zakat pertanian di Malaysia banyak dipengaruhi pendapat Imam Syāfi'e, ini dibuktikan dengan kajian disertasi Mahyuddin Abu Bakar, *Taklid Kepada Mazhab Syāfi'e Dalam Amalan Berkaitan Zakat Padi Menurut Undang-undang Zakat Negeri Kedah*⁵⁰ dan Mohammad Azam Hussain, *Pemakaian Kaedah Taqlid dalam Pengiraan Zakat Padi*⁵¹. Mohammad Azam Hussain dalam kesimpulannya menyatakan walaupun diwajibkan kepada petani berpegang kepada mazhab Syāfi'e dalam amalan berzakat namun umat Islam bebas berpegang kepada mana-mana mazhab mu'tabar. Fenomena semasa memperlihatkan bahawa kaedah pengiraan zakat padi lebih sesuai dipraktikkan berdasarkan mazhab Ḥanafī, iaitu zakat akan dikeluarkan berdasarkan kepada penghasilan bersih padi bukan penghasilan kasar.

Seterusnya bagi melengkapkan kajian Mohammad Azam Hussain, pada tahun yang sama Asmak Ab. Rahman telah membuat kajian empirikal di peringkat doktor falsafah, tesis "*Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Tanaman dan Amalannya Di Malaysia*"⁵². Objektif kajian ini lebih luas merangkumi perbincangan berkenaan konsep pertanian daripada perspektif Islam, mengkaji pemikiran sarjana Islam tentang zakat pertanian serta mengkaji berkenaan pemilikan tanah pertanian, penyewaan dan sekuriti makanan. Hasil dapatan kajian ini berkenaan zakat pertanian, Asmak Ab. Rahman menetapkan kaedah pengiraan yang lebih mudah dan jelas antaranya kaedah kos pengiraan kos tanaman padi, pengiraan

⁵⁰ Mahyuddin Abu Bakar, "*Taklid Kepada Mazhab Syafie Dalam Amalan Berkaitan Zakat Padi Menurut Undang-Undang Zakat Negeri Kedah*" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000).

⁵¹ Mohammad Azam Hussain, "*Pemakaian Kaedah Taqlid dalam Pengiraan Zakat Padi*" dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFU 2004)*, ed. Irwan Mohd Subri *et.al.* (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004).

⁵² Asmak Ab. Rahman, "*Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Tanaman dan Amalannya Di Malaysia*" (tesis kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

zakat padi, pengiraan pendapatan jualan padi dan subsidi bersih petani semusim dan pengiraan zakat padi daripada pendapatan bersih petani sebelum zakat. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan iaitu kadar nisab zakat padi yang perlu disesuaikan dengan suasana semasa dengan mengambil kira garis kemiskinan dalam konteks ekonomi semasa, Asmak tidak bersetuju dengan kadar nisab oleh Pusat Zakat Selangor sebanyak 1.306 tan bersamaan dengan nilai RM1077.45 ini berdasarkan soal selidik yang dilakukan hanya 1.0% yang memperoleh hasil padi antara 1.306 hingga 1.6 tan. Isu kedua Asmak menyarankan agar taksiran zakat padi perlu ditolak kos penanaman dan kos sara hidup. Fokus kajian ini hanya membahaskan tanaman padi tanpa memperluaskan lagi jenis tanaman yang menghasilkan pendapatan yang lebih lumayan. Terbina daripada tesis ini kepada beberapa artikel dan buku misalnya “Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian Di Selangor”⁵³, “Kepentingan Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Islam dan Amalannya Di Kalangan Pesawah Padi di Selangor”⁵⁴, “Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Al-Quran Dan Amalannya Di Malaysia”⁵⁵, “Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian Di Selangor”⁵⁶ dan buku terbitan Universiti Malaya berjudul “Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam”⁵⁷.

Terdapat juga artikel–artikel yang fokus membincangkan isu zakat pertanian antaranya: “Zakat Pertanian Dalam Konteks Malaysia Satu Kajian dan Penilaian Semula” , oleh Mohd Rifqi b. Myibbin *et.al*⁵⁸. Tujuan kajian ini bagi melihat kewajaran zakat dipungut daripada perusahaan pertanian komersial serta mengutarakan kaedah pengiraan

⁵³ Asmak dan Pazim, “Kaedah Taksiran Zakat Padi” “, 37-63.

⁵⁴ Asmak Ab.Rahman “*Kepentingan Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Islam dan Amalannya Di Kalangan Pesawah Padi di Selangor*”, Jurnal Syariah 14(1), (2006), 53-76.

⁵⁵ Asmak Ab. Rahman, “Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Al-Quran Dan Amalannya Di Malaysia” (makalah, International Seminar On Al-Quran 2005, Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur 2005).

⁵⁶ Asmak Ab Rahman dan Joni Tamkin Bin Borhan, “Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian Di Selangor” dalam *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam Di Malaysia*, ed. Abdullah Alwi Hj Hassan *et al.* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd, 2005) 143.

⁵⁷ Asmak Ab. Rahman, *Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011).

⁵⁸ Mohd Rifqi *et al.*, “Zakat Pertanian Dalam Konteks Malaysia”.

zakat pertanian moden. Hasil dapatan kajian ini adalah kesimpulan hukum berkenaan zakat pertanian serta kaedah pengiraan zakat pertanian komersial. Namun masih terdapat kelompangan iaitu pengkaji tidak menjelaskan secara terperinci peranan *maqāsid syarī`ah* dalam menentukan keperluan demi kemaslahatan umum. Kertas kerja ini hanya sekadar 8 helai muka surat sahaja, justeru penulis berhasrat ingin memperincikan perbincangan ini dengan lebih terperinci sebagai kajian ilmiah disertasi sarjana dengan menghubungkan antara *maqāsid syarī`ah* agar lebih dinamis.

Kajian Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, *Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian Di Malaysia*⁵⁹. Kajian ini dijalankan bagi melihat kemungkinan untuk meluaskan sumber zakat bagi sektor pertanian. Zakat pertanian yang dikenakan di Malaysia sangat minimum iaitu tertumpu kepada pertanian padi sahaja, kesannya penghasilan sumber zakat turut minimum. Realiti pertanian di Malaysia sekarang sudah dikomersialkan dan para petani mendapat hasil yang sangat lumayan. Persoalan yang ditimbulkan oleh penyelidik adalah mengapa zakat tidak dikenakan kepada tanaman-tanaman komersial yang lain seperti tanaman getah, kelapa sawit dan koko. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa kegiatan sektor pertanian boleh dizakatkan berdasarkan data primer yang dipungut seluruh Malaysia membuktikan sebanyak 52.9% responden menyokong untuk dikenakan zakat ke atas harta yang di ikhtilaf termasuklah sektor pertanian. Peratusan 52.9% ini merangkumi sokongan masyarakat majmuk berkenaan tanaman industri iaitu hasil pertanian kelapa sawit, dusun, getah, koko, madu dan sayur-sayuran. Namun cabaran yang dihadapi adalah bagi menetapkan jenis tanaman yang wajib dikenakan zakat, *'illah* mensabitkan zakat ke atas semua hasil tanaman dan penyediaan modul perakaunan zakat bagi setiap taksiran tanaman.

⁵⁹ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "*Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian Di Malaysia*", *Jurnal Management and Bussines* 12 (1) (2008), 66-76.

Kajian berkenaan dengan `Illah zakat pertanian telah dibahaskan oleh Abdul Basir Mohammad “Zakat Tanaman dan `Illah Kewajibannya”⁶⁰. Kajian ini dibahaskan bagi mengenal pasti `illah tentang jenis-jenis tanaman dan buah-buah tertentu diwajibkan zakat. Hasil dapatan kajian ini dengan menggunakan pendekatan ulama silam dengan menilai *naş-naş* syarak diikuti pendapat para ulama dalam menghasilkan kesimpulan, didapati Abdul Basir Mohamad bersetuju dengan pendapat mazhab Syāfi`e dan Māliki dengan berpegang bahawa zakat pertanian hanya dikenakan kepada makanan asasi dan tahan lama seperti padi, manakala jenis-jenis tanaman yang lain dikenakan zakat perniagaan. Penulis kurang bersetuju dengan kajian ini dengan hanya melihat pentafsiran lama para ulama tanpa menitikberatkan nilai semasa dan *maşlahah* asnaf serta *maqāşid syari`ah*.

1.7.3 Kajian Mengenai *Maqāşid Syari`ah*

Rujukan utama penulis berkenaan *maqāşid syari`ah* berdasarkan karangan Syeikh al-Raysūnī dalam kitabnya *Nazriyyah al-Maqāşid ‘Inda as-Shāṭibi*⁶¹. Buku ini menekankan konsep *maqāşid* berkisar memelihara kepentingan lima yang asasi yang dibawa al-Imam *as-Shāṭibi* dalam *al-Muwāfaqāt*⁶². Perbincangan kitab ini menyentuh maksud hikmah dan `illah, maksud terminologi *maqāşid* itu sendiri, sejarah kemunculan ilmu *maqāşid* sebelum *as-Shāṭibi*, juga membincangkan asas perbincangan iaitu *ta`lil al-ahkām* dan pembahagian *maqāşid syari`ah*.

⁶⁰ Abdul Basir Mohamad, “Tanaman Zakat dan Illat Kewajibannya” dalam *Zakat Pensiariatan Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

⁶¹ Al-Raysūnī, Ahmad, *Nazriyyah al-Maqāşid ‘Inda as-Shāṭibi* (t.tp. *al-Ma`ahad al-‘Aliy lil Fikr Islami*, 1995).

⁶² Al-Shāṭibi, Abu Ishāq Ibrāhim bin Mūsa Ibn Muhammad al-lakhmi, *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Shari`ah* (Beirut: Dār al-Ma`rifah, 1997).

Terdapat juga buku-buku yang memperincikan secara khusus *maqāṣid* zakat misalnya karangan Yusuf al-Qarḍāwī *Fiqh Zakāh*⁶³, al-Ghazālī *Asrār az-Zakāh*⁶⁴, al-Dahlāwī *Hujjahtu Allah al-Bāliqah*⁶⁵ dan Ibn al-Qayyim *Asrār al-Syari'ah Min 'Ilām al-Muwakhiin*⁶⁶.

Manakala dari segi konsep *maqāṣid syari'ah* di Malaysia telah dibincangkan oleh Hassan Haji Ahmad, *Maqāṣid Syari'ah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum*⁶⁷, Abdul Monir Yaacob, *Maqāṣid Syari'ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-nilai Semasa di Malaysia Dalam Menentukan Hukum*⁶⁸ dan Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Paizah Hj. Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah*⁶⁹. Ketiga-tiga kajian ini menerangkan berkenaan *maqāṣid syari'ah* secara umumnya merangkumi perbincangan konsep, teori, konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* dan juga pembahagian *maqāṣid syari'ah*. Namun, dua kajian awal hanya mengambil maklumat dari kitab *maqāṣid syari'ah turāth* lalu distrukturkan semula untuk pemahaman yang lebih mudah. Namun begitu, Abdul Monir Yaacob menambah beberapa maklumat khusus berkisarkan pemakaian *maqāṣid syari'ah* di Malaysia termasuklah pemakaian mazhab dan pelaksanaan fatwa semasa dan isu-isu muamalat Islam di Malaysia. Ini jelas menunjukkan pelaksanaan *maqāṣid syari'ah* sudah bertapak dalam sistem perundangan Malaysia.

⁶³ Al-Qarḍāwī, Yusuf, *Fiqh al-Zakāh* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973).

⁶⁴ Al-Ghazālī, *Asrār az-Zakāh* (Beirūt: Mansyurat al-Maktabah al-'Asriyyah, 1982).

⁶⁵ Al-Dahlāwī, Syah Waliyullah Ibn 'Abdul Rahīm, *Hujjahtu Allah al-Bāliqah* (Beirūt: Dār al-Jeil, 2005).

⁶⁶ Ibn al-Qayyim, *Asrār al-Syariah Min 'Ilām al-Muwakhiin* (Riyad: Dār al-Masir, 1998).

⁶⁷ Hassan Haji Ahmad, "Maqāṣid Syari'ah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum" dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001).

⁶⁸ Abdul Monir Yaacob "Maqāṣid Shari'ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-nilai Semasa di Malaysia Dalam Menentukan Hukum" dalam *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., 2004).

⁶⁹ Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Paizah Hj. Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Shn. Bhd., 2010).

Di Malaysia terdapat beberapa kajian penting berkenaan *maqāsid syarī'ah*, misalnya tesis Ridzwan Ahmad, Standard Masalah dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa Di Malaysia⁷⁰ dan pada diterbitkan dalam jurnal syariah bertajuk Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa⁷¹ dan artikel Masalah dan Hubungannya dengan Nas Syarak dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa Di Malaysia⁷². Kajian ini mengemukakan standard metode pentarjihan antara *maṣlahah* dan *mafsadah* yang jelas disebabkan berlakunya kontradiksi di antara keduanya. Ini kerana objektif atau *maqāsid syarī'ah* adalah melibatkan pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah*. Justeru kepakaran dalam membuat penilaian yang tepat sangat diperlukan oleh mujtahid. Penulis juga berpendapat *maqāsid syarī'ah* perlu dijadikan ilmu terpenting seiring dengan ilmu sains dan teknologi bagi menghadapi zaman global yang memerlukan hukum baru yang bersifat semasa dan setempat. Perubahan semasa yang berkembang membawa kepada perubahan *maṣlahah* manusia menyebabkan permasalahan *naṣ* dan *maṣlahah* menjadi agenda perbincangan penting dalam zaman kerasionalan akal ini, walaupun penggunaan *maṣlahah* oleh ulama terdahulu kurang meluas.

Seterusnya tesis Wan Marhaini Wan Ahmad, “Zakat Investment In Malaysia”⁷³. Kajian ini bagi melihat polisi dan pelaksanaan pelaburan zakat di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta mengaitkan dengan *maqāsid syarī'ah* (*maṣlahah semasa*).

⁷⁰ Ridzwan Ahmad, “Standard Masalah dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa Di Malaysia” (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

⁷¹ Ridzwan Ahmad “Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa”, Jurnal Syariah 16(1) (2008), 107-143.

⁷² Ridzwan Ahmad, “Maslahah dan Hubungannya dengan Nas Syarak dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa Di Malaysia” dalam *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur :Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., 2004).

⁷³ Wan Marhaini Wan Ahmad, “Zakat Investment In Malaysia: A Study of Contemporary Policy And Practice In Relation To Shari`a” (tesis kedoktoran, School of Literatures, Languages and Cultures, College of Humanities and Social Science, University of Edinburgh, 2012).

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) berjaya menerbitkan buku yang sangat penting berkenaan setempat iaitu *Fiqh Malaysia*⁷⁴ merangkumi beberapa artikel *maqāṣid syarī`ah* seperti kajian Mohd Noor Deris, Keterikatan Maslahah sebagai Sumber Hukum dengan Kepentingan Semasa dan Setempat di Malaysia. Buku ini mengutarakan suatu gagasan idea untuk melahirkan hukum Islam berdasarkan pendekatan semasa dan setempat di Malaysia yang membabitkan perbincangan konsep fiqh Malaysia dengan menjadikan *maṣlahah* dan *maqāṣid syarī`ah* sebagai kayu ukur pelaksanaan hukum di Malaysia.

Terdapat juga artikel yang membincang mengenai *maqāṣid syarī`ah* meliputi kajian Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif *Maqāṣid al-Syarī`ah* oleh Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad⁷⁵. Kajian ini melihat keberkesanan agihan zakat berdasarkan *maqāṣid syarī`ah* merangkumi agama, akal, nyawa, keturunan dan harta, berbanding dengan hanya melihat berdasarkan tahap pendapatan. Kajian ini juga menggunakan kaedah *Maslow* dan analisis *CAST* dan hasil kajian merumuskan bahawa penilaian menyeluruh haruslah berpaksikan kesemua elemen *maqāṣid*. Kekurangan kajian ini adalah melihat dari sudut keberkesanan agihan zakat semata-mata tanpa melihat *maqāṣid* dari sisi sudut memperluaskan sumber harta zakat yang akan lebih menguntungkan para asnaf.

Walaupun terdapat begitu banyak sumber yang telah dinyatakan oleh penulis berkisar kajian ini, namun tidak terdapat lagi satu kajian yang menjawab persoalan yang ingin dikaji oleh penulis sepenuhnya. Kebanyakan kajian membantu dari satu sudut atau satu bidang sahaja tidak dari sudut yang lain contohnya kajian berkenaan zakat pertanian, terdapat kajian yang hanya memfokuskan kepada zakat padi serta isu-isunya, sebahagian

⁷⁴ Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad, *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, (Kuala Lumpur :Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., 2004).

⁷⁵ Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif *Maqāṣid al-Syarī`ah*" (makalah, The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Persidangan Antarabangsa ke-7 Bangi, 2010).

kajian lagi hanya menekan berkenaan perluasan harta zakat semata-mata, begitu juga sandaran *maqāsid syari`ah* hanya menghuraikan berkenaan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* tanpa mendalami isu yang ingin dikaji penulis iaitu zakat tanaman. Oleh itu penulis berpendapat perlunya satu kajian bagi menganalisis isu perluasan hasil zakat pertanian selain tanaman padi dan isu kewajaran penolakan kos operasi dan kos sara hidup petani sebelum diwajibkan zakat pertanian di Malaysia berdasarkan *maṣlahah* semasa dan setempat.